

## Seni Bela Diri Taekwondo: International Taekwondo Federation (ITF)

Mastura Binti Mohd Rosly  
Sakinah Mardhiah Binti Mustafa  
Mazlina Pati Khan

**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### **Abstrak**

*Taekwondo merupakan seni bela diri dari Korea yang digunakan oleh tentera Korea silam untuk menentang musuh tanpa menggunakan sebarang senjata dan kini telah diisytiharkan sebagai salah satu sukan dalam Sukan Olimpik. Artikel ini adalah berdasarkan kepada sumber utama iaitu melalui kaedah sejarah lisan dengan menggunakan sesi wawancara bersama Rukhman Zainalabidin Haji Dawood, seorang bekas pemain Taekwondo dan kini bergelar sebagai jurulatih Taekwondo (ITF). Kajian ini dilakukan untuk mengetahui pangkat yang terdapat dalam seni bela diri Taekwondo (ITF), teknik atau pergerakan, seragam dan peralatan yang digunakan dalam sukan Taekwondo spesifiknya dalam International Taekwondo Federation (ITF).*

**Kata Kunci:** International Taekwondo Federation (ITF), pangkat, pergerakan, seragam, peralatan, corak.

### **Abstract**

*Taekwondo is a Korean martial art used by former Korean soldiers to defense their self from enemies without any weapons and as time goes by, it has been declared as one of the sports in the Olympics. This article is based on the oral history project conducted by an interview with Rukhman Zainalabidin Haji Dawood, a former of Taekwondo's player and currently as Taekwondo's instructor (ITF). This article was written to find out the ranks used in Taekwondo martial arts (ITF), technique or movements, uniforms and equipment that used in Taekwondo specifically in International Taekwondo Federation (ITF).*

**Keywords:** *International Taekwondo Federation (ITF), rank, movement, uniform, equipment, pattern.*

## **Pengenalan**

Taekwondo merupakan satu seni bela diri berasal dari Korea yang digunakan oleh tentera Korea silam. Taekwondo juga dikenali sebagai Tae Kwon Do. Taekwondo diertikan sebagai seni bela diri menggunakan kaki dan tangan kosong diambil daripada tiga perkataan Korea iaitu: Tae (Kaki), Kwon (Tangan) dan Do (Seni). Menurut Lucas (1992), terdapat tiga persatuan Taekwondo yang diiktiraf sebagai persatuan Taekwondo antarabangsa iaitu: International Taekwondo Federation (ITF) berpusat di Seoul, Korea; World Taekwondo Federation (WTF) berpusat di Austria dan Global Taekwondo Federation (GTF) berpusat di Korea. Taekwondo telah diisytiharkan sebagai Sukan Olimpik rasmi dengan pertandingan pertama semasa Sukan Olimpik di Sydney, Australia (Lucas, 1992). Taekwondo merupakan sukan yang mendidik penuntutnya supaya cekal, berdisiplin dan tidak mudah putus asa.

Kewujudan International Taekwondo Federation (ITF) bermula sekitar tahun 1966 diasaskan oleh General Choi Hong Hi. International Taekwondo Federation (ITF) merupakan badan pentadbiran pertama dunia untuk Taekwondo (International Taekwondo Federation, 2017). Terdapat beberapa perbezaan antara International Taekwondo Federation (ITF), World Taekwondo Federation (WTF) dan Global Taekwondo Federation (GTF) dari segi corak, pergerakan dan peralatan yang digunakan. Namun begitu terdapat juga persamaan dari aspek yang lainnya. Misalnya, pangkat dalam semua persatuan Taekwondo dikenalpasti melalui warna tali pinggang mereka.

Sukan atau seni bela diri Taekwondo tidak menghadkan jantina atau umur seseorang untuk menceburi bidang tersebut. Rukhman (2019) menyatakan bahawa seseorang yang ingin mempelajari Taekwondo haruslah memiliki minat yang tinggi untuk mempelajarinya. Jelaslah bahawa penglibatan dalam sukan atau seni bela diri Taekwondo tidak ditentukan oleh umur ataupun jantina seseorang penuntut.

### Pangkat dalam International Taekwondo Federation (ITF)



*Gambar 1: Tali Pinggang dalam Taekwondo*

Pangkat dalam Taekwondo dikenalpasti atau ditentukan melalui warna tali pinggang yang mereka gunakan. Dalam International Taekwondo Federation (ITF) itu sendiri mempunyai enam warna tali pinggang untuk membezakan pangkat antara penuntut dan jurulatih. Antara warna tali pinggang yang digunakan dalam ITF adalah warna putih, kuning, hijau, biru, merah dan hitam. Setiap warna tersebut mempunyai maknanya yang tersendiri dan setiap penuntut dalam sukan ini perlu menjalani beberapa ujian sebelum mereka dinaikkan ke pangkat seterusnya (Chong Lee, 2017).

Seseorang penuntut yang masih baru dalam bidang Taekwondo akan memakai tali pinggang berwarna putih yang mana warna putih menandakan penuntut tersebut tidak memiliki asas dalam Taekwondo. Seterusnya, tali pinggang berwarna kuning. Warna kuning bermaksud tanah iaitu asas dalam Taekwondo. Maksudnya, seseorang penuntut yang telah mencapai tali pinggang kuning mempunyai asas dalam sukan atau seni bela diri ini. Kemudian, apabila seseorang penuntut mencapai tali pinggang berwarna hijau menandakan ilmunya dalam Taekwondo sudah berkembang ke tahap yang lebih tinggi. Warna hijau dalam ITF diertikan sebagai tumbuhan iaitu menandakan penuntut sukan atau seni bela diri ini sudah memiliki ilmu yang banyak dan pengalaman dalam Taekwondo (Rukman,2019).

Seterusnya, tali pinggang biru bermaksud langit menandakan ilmu penuntut tersebut dalam Taekwondo lebih matang. Apabila penuntut seni bela diri Taekwondo naik ke pangkat seterusnya, mereka akan menggunakan tali pinggang berwarna merah yang bermaksud berhati-hati. Tali pinggang hitam pula merupakan pangkat tertinggi dalam ITF

dan dibahagikan kepada empat peringkat iaitu, 1 hingga 3 Dan dipanggil sebagai Assistant Instructor (Pembantu Jurulatih), 4 hingga 6 Dan dipanggil sebagai International Instructor (Jurulatih Antarabangsa), 7 hingga 8 Dan dipanggil sebagai Master (Guru) dan 9 Dan dipanggil sebagai Grandmaster (Mahaguru).

### Seragam dan Peralatan dalam International Taekwondo Federation (ITF)



Gambar 2: Seragam dan peralatan Taekwondo (ITF)

Seragam dalam Taekwondo dikenali sebagai Dobok iaitu perkataan yang berasal dari Korea. Dobok diperbuat daripada kain kapas dan polsyter. Tujuan menggunakan kain kapas dan polyster untuk membuat dobok adalah supaya pakaian tersebut selesa apabila dipakai dan tidak mudah koyak semasa beraksi dalam Taekwondo. Misalnya, semasa beraksi dalam latihan ataupun semasa pertandingan Taekwondo.

Menurut Rukman (2019), antara peralatan atau kelengkapan lain dalam ITF yang wajib dimiliki bagi setiap penuntut adalah seperti sarung tangan (hand glove), sarung kaki (foot guard), pelindung kepala (headgear), pelindung lengan (arm guard) dan pelindung peha (groin guard). Kelengkapan ini merupakan kelengkapan yang digunakan oleh penuntut sukan ini apabila menyertai suatu pertandingan. Kebiasaannya, pihak penganjur tidak menyediakan peralatan atau kelengkapan tersebut. Oleh itu, peserta perlu membawa kelengkapan mereka sendiri semasa menyertai pertandingan Taekwondo.

**Pergerakan dalam International Taekwondo Federation (ITF)**

Menurut daripada International Taekwondo Federation (2017), General Choi Hong Hi telah mengembangkan dua puluh empat corak khusus dalam ITF. Menurut Rukman (2019), nombor 24 tersebut bersesuaian dengan 24 jam sehari di mana kitaran berterusan yang mewakili keabadian. Setiap corak tersebut dinamakan bersempena dengan nama pahlawan silam Korea sebagai peringatan tentang pentingnya menghormati dan memupuk penghormatan kepada mereka yang telah berjuang. Antara nama corak yang terdapat dalam ITF ini adalah Chon-Ji, Dan-Gun, Do-San, Won-Hyo, Yul-Gok, Joong-Gun, Toi-Gye, Hwa-Rang, Choong-Moo, Kwang-Gae, Po Eun, Gae-Baek, Eui-Am, Choong-Jang, Juche, Sam-Il, Yoo-Sin, Choi-Yong, Yong-Gae, Ul-Ji, Moon-Moo, So-San, Se-Jong dan Tong-II (Sibylle,2019).

| Number | Hangeul | Romanized                | Movements | Rank    |
|--------|---------|--------------------------|-----------|---------|
| 1      | 천지      | Chon-Ji                  | 19        | 9th gup |
| 2      | 단군      | Dan-Gun                  | 21        | 8th gup |
| 3      | 도산      | Do-San                   | 24        | 7th gup |
| 4      | 원효      | Won-Hyo                  | 28        | 6th gup |
| 5      | 율곡      | Yul-Gok                  | 38        | 5th gup |
| 6      | 중근      | Jung-Gun                 | 32        | 4th gup |
| 7      | 퇴계      | Toi-Gye                  | 37        | 3rd gup |
| 8      | 화랑      | Hwa-Rang                 | 29        | 2nd gup |
| 9      | 충무      | Choong-Moo               | 30        | 1st gup |
| 10     | 광개      | Kwang-Gae                | 39        | 1st dan |
| 11     | 포은      | Po-Eun                   | 36        | 1st dan |
| 12     | 계백      | Gae-Baek                 | 44        | 1st dan |
| 13     | 의암      | Eui-Am                   | 45        | 2nd dan |
| 14     | 충장      | Choong-Jang              | 52        | 2nd dan |
| 15     | 주체      | Juche (formerly Ko-Dang) | 45        | 2nd dan |
| 16     | 삼일      | Sam-Il                   | 33        | 3rd dan |
| 17     | 유신      | Yoo-Sin                  | 68        | 3rd dan |
| 18     | 최영      | Choi-Yong                | 46        | 3rd dan |
| 19     | 연개      | Yeon-Gae                 | 49        | 4th dan |
| 20     | 을지      | Ul-Ji                    | 42        | 4th dan |
| 21     | 문무      | Moon-Moo                 | 61        | 4th dan |
| 22     | 서산      | Seo-San                  | 72        | 5th dan |
| 23     | 세종      | Se-Jong                  | 24        | 5th dan |
| 24     | 통일      | Tong-II                  | 56        | 6th dan |

*Gambar 3: Pattern dalam International Taekwondo Federation (ITF)*

Setiap *pattern* tersebut mempunyai pergerakan yang berbeza di mana ia juga dipelajari mengikut pangkat semasa untuk seseorang penuntut ITF ini. Selain itu, *pattern* ini juga membawa maksud berbeza yang melibatkan alam semesta serta meningkatkan moral dan rohani seseorang.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, sukan atau seni bela diri Taekwondo khususnya ITF sudah terkenal di seluruh dunia. Namun begitu, tidak ramai yang mengetahui sukan atau seni bela diri ini secara terperinci di samping kekurangan bahan literatur terutamanya literatur dalam bahasa Melayu. Lazimnya, ITF berbeza dengan World Taekwondo Federation (WTF) yang mana ITF lebih menekankan kepada corak dalam pergerakan manakala World Taekwondo Federation (WTF) pula lebih kepada sukan pertempuran yang banyak diadakan dalam kejohanan walaupun kedua-dua persatuan Taekwondo ini sudah dikategorikan sebagai satu sukan. Oleh itu, sudah pasti pergerakan dalam ITF juga mempunyai kelainan dan mempunyai maksud-maksud yang tersendiri.

Walaupun sukan ini bukan berasal dari Malaysia tetapi sukan ini berpotensi untuk membawa nama Malaysia ke pentas dunia. Tambahan pula, sukan atau seni bela diri ini mampu membina keyakinan diri kepada setiap penuntut. Hal ini kerana, setiap penuntut yang memiliki minat yang tinggi untuk mempelajari sukan ini dididik supaya memiliki daya saing yang tinggi, berdisiplin dan berfikir sebelum bertindak. Wajarliah bahawa sukan ini perlu dikekalkan dan dipelajari oleh generasi muda kerana sukan ini banyak memberi impak positif kepada para penuntutnya walaupun sukan atau seni bela diri ini bukan berasal dari Malaysia.

### **Rujukan**

- Chong Lee (2017). Taekwondo Grading. Diakses December 12, 2019, di <http://chongleetaekwondo.ca/grading.html>.
- Rukhman Zainalabidin (24 Oktober 2019). Seni Bela Diri Taekwondo: International Taekwondo Federation (ITF). Muhammad Raziq Mohd Hafizi, June Ismerlda Jesferi. Penemubual.
- International Taekwondo Federation (2017). International Taekwondo Federation: General Choi Hong Hi. Retrieved from

<https://www.taekwondoitf.org/our-history/general-choi-hong-hi/>

Lucas, J. (1992). Taekwondo, Pelote Basque/Jai-Alai, and Roller Hockey—Three Unusual Olympic Demonstration Sports. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 63(4), 80–82. doi: 10.1080/07303084.1992.10604168

Sibylle. (2019, September 1). Inside ITF. Retrieved from <https://www.taekwondo-aktuell.de/2019/08/18/inside-itf/>.